

Headline	Kadar tarif beri kesan kepada kos bahan mentah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	L-52
ArticleSize	50 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,305		



Kadar tarif beri kesan kepada kos bahan mentah

KUALA LUMPUR – Kos bahan mentah mungkin naik menjelang akhir tahun 2014 berikutan semakan tarif elektrik, kata Persatuan Pengilang dan Perkhidmatan Bumiputera Malaysia.

Presidennya, Datuk Ab. Rahim Abu Bakar berkata, keadaan itu akan menjejaskan perniagaan, namun beliau enggan menyatakan sejauh mana impaknya.

"Ada impak daripada hasil semakan tarif itu, walaupun sekarang ini kita masih belum melihatnya," katanya ketika ditemui pada seminar Meneroka Peluang Perniagaan dalam Elektrik dan Tenaga Air di Dubai di sini semalam.

Tarif baharu elektrik itu berkuat kuasa 1 Januari tahun depan.